

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Shell taja 936 gas silinder |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian               |             |                     |
| Date       | 20 Feb 2012                 | Color       | Full Color          |
| Section    | Sentral                     | Circulation | 192,982             |
| Page No    | n15                         | Readership  | 1,521,000           |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 370 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                         | AdValue     | RM 12,479           |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 37,437           |



# Shell taja 936 gas silinder

Bantuan bernilai RM26,000 diagih kepada 19 rumah perlindungan diurus MAM

Oleh Siti Haliza Yusop

shyusop@bharian.com.my

**B**ANDAR TUN RAZAK: Sebagai meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) kepada golongan memerlukan, Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell) menaja 936 gas silinder membabitkan perbelanjaan RM26,000 untuk diagih kepada 19 rumah perlindungan diuruskan gabungan Majlis AIDS Malaysia (MAM).

Inisiatif hasil kerjasama dengan MAM yang memasuki tahun ketiga itu bermula sebagai projek perintis membabitkan hanya empat buah rumah perlindungan di Lembah Klang sebelum dikembangkan kepada 19 pertubuhan di seluruh negara, tahun ini.

Pengurus Besar Shell Gas (LPG), Julianna Kamaruddin, berkata sebagai sebuah syarikat prihatin, Shell mengambil serius isu berkaitan HIV/AIDS dan atas faktor itu juga memilih untuk bekerjasama dengan MAM bagi merealisasikan penajaan gas silinder ini buat kali ketiga.

“Ketika tahun pertama menjalankan program ini, pihak kami memilih hanya empat rumah perlindungan saja bagaimanapun berdasarkan keperluan semasa, jumlah berkenaan ditambah setiap tahun sehinggalah menjadi 19 rumah perlindungan tahun ini.

“Bukan setakat memberi penajaan, malah Shell sendiri mempunyai polisi HIV/AIDS sejak lebih lapan tahun lalu membuktikan keseriusan syarikat itu membantu golongan berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis penyerahan penajaan kepada kesemua 19 rumah terbabit yang dilakukan di Rumah Solehah, Bandar Tun Razak, di sini, yang turut disertai, Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan; Pengedar Gas Shell, Datuk Chua Meow Heng; Pengurus Pemasaran LPG Malaysia, Tan Tee Siong serta selebriti Riben Merah, Fahrin Ahmad dan Bob Akademi Fantasia.

Sementara itu, Mohd Zaman berkata kerjasama dimulakan Shell adalah sesuatu yang membanggakan dan seharusnya dicontohi syarikat

|            |                             |             |                     |
|------------|-----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Shell taja 936 gas silinder |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian               |             |                     |
| Date       | 20 Feb 2012                 | Color       | Full Color          |
| Section    | Sentral                     | Circulation | 192,982             |
| Page No    | n15                         | Readership  | 1,521,000           |
| Language   | Malay                       | ArticleSize | 370 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                         | AdValue     | RM 12,479           |
| Frequency  | Daily                       | PR Value    | RM 37,437           |

korporat lain dalam usaha mewujudkan persekitaran dengan suasana bebas daripada impak negatif HIV dan AIDS.

“MAM sendiri komited dalam melaksanakan usaha membantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Malaysia yang terpaksa hidup dengan penyakit ini dan kerjasama dijalin bersama Shell sememangnya membantu dalam merealisasikan matlamat itu,” katanya.

Pegawai Latihan dan Sumber Manusia Rumah Solehah, Fadzilah Abd Hamid berterima kasih diatas keprihatinan Shell dalam membantu mengurangkan perbelanjaan rumah perlindungan berkenaan.

“Secara purata, Rumah Solehah memperuntukkan perbelanjaan bagi kegunaan empat tong gas setiap bulan dan penajaan ini sememangnya amat dinantikan bagi mengurangkan perbelanjaan operasi kami,” katanya.



MOHD ZAMAN menerima replika berbentuk gas kepada Julianna pada majlis penyerahan penajaan di Rumah Solehah Taman Mulia, Bandar Tun Razak, Cheras.